

04/07/1999

Shahnon minta maaf kepada Dr Mahathir (HL)

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

ALOR STAR: Pengarang novel Shit, Prof Datuk Shahnon Ahmad meminta maaf secara terbuka kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad jika Perdana Menteri tersinggung dengan kandungan novel berkenaan.

Shahnon menjelaskan beliau langsung tidak berniat menghina Dr Mahathir secara peribadi, sebaliknya menegur serta mengkritik corak kepemimpinan Perdana Menteri dan kerajaan.

Berucap di hadapan kira-kira 200 hadirin majlis ceramah anjuran Pas kawasan Alor Star, di Taman Rakyat, di sini malam kelmarin, Shahnon mengakui beliau membuat teguran dengan nada yang kasar kerana berpendapat Umno gagal menegur atau menasihati Dr Mahathir.

"Selain itu, Dr Mahathir tidak mempedulikan teguran parti pembangkang dalam mentadbir negara.

"Berikutan itu, saya sebagai pengarang berpendapat perlu menegur dan mengkritiknya menerusi novel Shit, walaupun ia dilakukan secara agak kasar.

"Jika Dr Mahathir tersinggung atau terhina, saya minta maaf tetapi saya langsung tidak berniat menghina dan mengutuknya. Saya juga tidak pernah menghina ibu Dr Mahathir," katanya.

Sebelum ini, Dr Mahathir menyatakan kekesalannya terhadap Shahnon yang dianggap keterlaluan dalam penulisan novel itu, termasuk mencarut, menggunakan bahasa lucu dan menghina ibunya.

Ketika berucap di perhimpunan agung Umno, di Kuala Lumpur baru-baru ini, Dr Mahathir yang tersinggung dan berasa terhina dengan kandungan novel itu berkata, beliau tidak tahu mengapa Shahnon membuat serangan peribadi terhadapnya sedangkan beliau bertemu Shahnon sekali saja di Australia.

Di KOTA BHARU, ketika dihubungi mengenai kenyataan Shahnon meminta maaf kepada Dr Mahathir, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata beliau tidak mahu campur tangan dalam perkara itu kerana ia membabitkan urusan orang lain.

Bagaimanapun, beliau mengakui sehingga ini belum lagi membaca buku itu, tetapi kenyataan yang dikeluarkan sebelum ini mengenai isu itu adalah berdasarkan hukum halal atau haram perbuatan mencarut dari segi Islam.

Sebelum ini, sebaik saja buku itu menjadi isu perbincangan, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dan Nik Aziz mempertahankan kandungan novel Shahnon. Malah, Nik Aziz berkata, dalam keadaan tertentu Islam membenarkan umatnya mencarut, malah Tuhan juga mencarut.

Shahnon menjelaskan beliau mendapat ilham mengarang Shit selepas pertemuannya dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas beliau dipecat daripada kerajaan dan parti.

Menurutnya, pertemuan di rumah Anwar itu turut dihadiri beberapa sasterawan, termasuk Sasterawan Negara, A Samad Said.

"Saya pergi bersama-sama keluarga," katanya.

Dalam ucapannya di majlis itu juga, Shahnon turut menceritakan perbualannya dengan Anwar mengenai tuduhan salah laku seks terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Dalam pertemuan itu, Anwar memintanya menulis sesuatu.

"Dia (Anwar) berkata, 'Pak Shahnon tulislah apa-apa'. Saya balik, fikir dan inilah hasilnya (novel Shit)," katanya.

Shahnon juga berkata beliau tidak memperoleh banyak keuntungan hasil jualan novel itu seperti yang disangka banyak pihak.

Katanya, sebanyak 130,000 naskhah sudah dicetak tetapi, jumlah cetak

rompak dua kali ganda lebih tinggi.

Ceramah itu dianjurkan bagi membolehkan Shahnon, yang juga ahli Pas seumur hidup memberi penjelasan mengenai novel itu dan mengapa beliau mengarang buku seperti itu.

Turut berceramah dan mengulas novel berkenaan ialah sasterawan serta kolumnis, Azizi Haji Abdullah.

(END)